



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022



Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

WEBINAR YAYASAN TUANKU FAUZIAH “WOMEN IN SEARCH OF EXCELLENCE” (WISE)



Oleh:
Eliy Nazira Mat Nazir
Dr. Razlina Razali

ARAU, 27 Januari 2022 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis dengan kerjasama Yayasan Tuanku Fauziah Dan Unit Perkhidmatan OKU (UPO) telah menganjurkan Webinar Yayasan Tuanku Fauziah dengan membawa tema “Women in Search of Excellence” (WISE) hari ini.

Program yang berlangsung secara maya bermula dari jam 8.00 pagi telah membariskan panel jemputan yang merupakan tokoh-tokoh tersohor dan atlet-atlet yang berpengalaman dalam sukan di Malaysia. Sesi pertama dimulakan dengan panel YBhg Datuk Zaiton Othman, bekas olahragawati jaguh heptathlon Malaysia dengan tajuk, “Memperkasakan Wanita Dalam Sukan”.

Ini diikuti dengan sesi kedua yang disampaikan oleh YBhg Datuk Marina Chin yang merupakan bekas ratu trek negara dengan membawa tajuk, “Membina Jati Diri Dalam Kalangan Wanita”. Sesi

seterusnya telah disampaikan oleh YB Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi, yang mengendalikan sesi ketiga bertajuk “Sky Is the Limit”.

Sesi terakhir webinar ini yang bertajuk “Mengimbangi Perkembangan Akademik Dan Sukan” memaparkan barisan atlet muda negara yang terdiri daripada Cik Juni Karimah Noor Jamali, pelajar UiTM Perlis yang merupakan atlet olimpik negara untuk acara perahu layar, Puan Nur Suryani Mohamed Taibi, alumni UiTM Shah Alam yang merupakan atlet olimpik negara bagi acara menembak; dan Cik Anis Amira Rosidi, atlet berasal dari Perlis yang merupakan atlet kategori keirin berbasikal negara.

Majlis perasmian dan penutupan Webinar Yayasan Tuanku Fauziah ini mendapat perkenan dan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Said Faizuddin Putra Ibni Tuanku Said Sirajuddin Jamalullail,

Raja Muda Perlis. Antara tetamu kehormat yang turut hadir adalah Rektor UiTM Cawangan Perlis, Wakil Yayasan Tuanku Fauziah, Wakil Unit Perkhidmatan OKU (UPO), Dif-Dif Kehormat serta Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri.